

# PM mahu swasta sertai industri pelancongan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta sektor swasta bekerjasama dengan kerajaan bagi menerokai sepenuhnya potensi industri pelancongan di negara ini.

Perdana Menteri yakin usaha memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul akan menjadi lebih mudah dan berkesan melalui kerjasama itu.

"Selain itu, sektor swasta juga perlu lebih inovatif dalam menyediakan khidmat pelancongan dan memperluaskan lagi peluang untuk pembangunan industri itu di negara ini.

"Ini kerana pelancongan adalah satu kegiatan ekonomi penting dalam pembangunan negara. Pertumbuhan sektor ini sering dikaitkan dengan peningkatan peluang pekerjaan, pendapatan, nilai tambah dan kewujudan rangkaian kukuh dengan sektor ekonomi lain," katanya ketika merasmikan Hotel Legend, di sini malam ini.

Hotel terbaru bertaraf lima bintang yang berharga RM220 juta itu mempunyai 447 bilik dan 213 unit pangsapuri lengkap dengan peralatan moden dan canggih. Ia adalah antara hotel-pangsapuri sepadu yang terulung di Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mengalu-alukan usaha swasta yang dapat membantu

menggalakkan industri pelancongan negara.

Katanya, sektor pelancongan kini adalah industri penyokong ketiga terpenting selepas perkilangan dan petroleum galian.

"Ia juga akan menolong mengurangkan defisit yang besar dalam dagangan tidak ketara," katanya.

Dr Mahathir berkata, industri perhotelan, terutama di kawasan bandar berkembang dan menampung keperluan pelancong.

"Sejak 1980 hingga Julai tahun ini, 320 projek hotel membabitkan pelaburan RM11,183 juta diluluskan kerajaan.

"Daripada jumlah itu, RM8,471 juta atau 76 peratus adalah pelaburan tempatan manakala pelaburan asing hanya 24 peratus atau RM2,713 juta," katanya.

Beliau berkata, tahun lalu saja RM1,899 juta dilaburkan di dalam projek perhotelan, iaitu peningkatan 164 peratus, berbanding RM718 juta pada 1992.

"Jumlah projek hotel yang diluluskan juga meningkat daripada 14 pada 1992 kepada 57 projek tahun lalu manakala bagi tujuh bulan pertama tahun ini, 19 projek hotel diluluskan membabitkan pelaburan RM211 juta," katanya.

Menurutnya, kerajaan mengalu-alukan pembiayaan Hotel Legend sebagai satu pelaksanaan perancangan strategik.